

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Bahasa Tamil 1 mengandungi dua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah satu jam tiga puluh minit. Kedua dua soalan merupakan soalan pilihan.

Soalan 1 - Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang satu daripada tujuh tajuk/perkara yang dikemukakan. Panjang karangan ialah tidak kurang daripada 200 patah perkataan.

Soalan 2 - Calon dikehendaki memilih empat ungkapan daripada tujuh ungkapan yang diberi dan membina ayat bagi setiap ungkapan yang dipilih.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada keseluruhannya pencapaian calon pada tahun ini adalah memuaskan. Ramai calon telah menghasilkan karangan (soalan 1) yang bermutu tetapi tidak dapat membina ayat (soalan 2) yang bermutu. Ini kerana tajuk karangan senang difahami oleh calon dan sesuai dengan pemikiran dan pengalaman calon. Calon juga dapat membina struktur ayat yang baik, padat dan tepat maknanya. Pada tahun ini semua calon dapat menghasilkan karangan bukan seperti tahun lalu di mana ada beberapa calon tidak dapat menulis karangan. Tahun ini calon juga dapat memenuhi syarat tidak kurang daripada 200 patah perkataan. Ramai calon tidak dapat membina ayat yang tersirat maknanya.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memang memahami kehendak tugas soalan dan jawapannya selaras dengan kehendak peraturan pemarkahan. Jawapan calon adalah tekal, tepat dan jelas. Jawapannya agak terperinci dan memuaskan. Calon dapat menghuraikan dengan contoh yang tepat. Gaya bahasa, gaya persembahan, pengolahan isi yang baik dan perbendaharaan kata yang tepat. Cara mengolah isi adalah baik dan menarik. Calon berjaya menunjukkan penguasaan bahasa yang baik.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Huraian calon kurang mantap dan contoh yang diberikan itu kurang tepat. Pemerenggan yang tidak lengkap dan lemah dalam soalan 2. Pemahaman calon terhadap tugas soalan tidak begitu tepat sekali. Pengolahan dan penyampaian calon kurang menarik dan adakalanya kabur dan tidak berkesan. Bahasa calon tidak lancar dan terdapat banyak kesalahan ejaan dan tata bahasa. Perbendaharaan kata calon juga agak terhad.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Pada keseluruhannya keupayaan calon lemah sekali. Ada calon yang tidak memahami sama sekali kehendak tugas soalan dan tidak mampu menjawab kedua-dua soalan yang dikemukakan itu. Penyampaian jawapan calon tidak teratur dan tidak berkesan sama sekali. Jawapannya ringkas dan kurang jelas. Calon tidak dapat jawab dengan sepenuhnya. Bahasa yang lemah, banyak salah ejaan, isi tidak dihuraikan dengan sempurna, gaya tata bahasa dan struktur ayat yang lemah merupakan beberapa faktor bagi calon digolongkan dalam kumpulan ini. Penghayatan soalan tidak mencukupi dan pembacaan tidak meluas.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1 (அ)

Ramai calon, iaitu lebih kurang 46% calon telah menjawab tajuk karangan ini. Calon cemerlang telah jelas menyatakan cara-cara memupukkan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini. Calon memahami kehendak soalan, mereka hanya berbeza dari segi penerangan dan contoh bagi isi yang dikemukakan.

### Soalan 1 (ஆ)

Soalan ini hanya dicuba oleh 4% calon sahaja. Calon yang cuba menjawab soalan ini pun tidak memberi isi yang padat tentang peranan yang dimainkan oleh filem Tamil untuk mengembangkan budaya India.

### Soalan 1 (இ)

Tajuk karangan ini telah dihasilkan oleh 11% calon. Ada beberapa orang calon terpesong dari kehendak tajuk ini kerana perkataan 'நீர்' yang terdapat dalam tajuk ini adalah bermakna 'anda'. Oleh kerana salah faham maksud perkataan tersebut maka ada beberapa orang calon menulis tentang 'kegunaan air' kerana perkataan 'நீர்' itu juga membawa maksud air.

### Soalan 1 (ஈ)

Seramai 12% calon telah mencuba soalan ini. Tajuk karangan ini ialah 'Pembangunan pesat menjejaskan alam sekitar'. Karangan ini adalah dalam bentuk ucapan. Calon telah menepati bentuk tersebut. Ada calon tidak menulis tentang situasi karangan tersebut iaitu, perayaan minggu alam sekitar di sekoah.

### Soalan 1 (உ)

Tajuk karangan ini tidak popular di kalangan calon. Hanya 1% calon sahaja mencuba tajuk ini. Ia merupakan dalam bentuk laporan. Calon memerlukan pengalaman sebagai ahli jawatankuasa penganjur pertandingan perbahasan daerah untuk menulis karangan ini.

### Soalan 1 (ஊ)

Tajuk ini telah dicuba oleh lebih kurang 10% calon. Kebanyakan calon telah menyatakan hanya tentang kekurangan drama yang ditonton, manakala soalan ini memerlukan kebaikannya juga dinyatakan. Kekurangan ini telah mencatatkan mutu persembahan karangan ini.

### Soalan 1 (஋)

Seramai 16% calon telah menghasilkan karangan ini. Karangan ini berbentuk cerpen. Ramai calon tidak menekankan kepopularan si mendiang dalam cerpen ini. Mereka hanya menyatakan kepopularan yang biasa dan remeh sahaja. Ramai calon tidak mengetahui teknik menulis cerpen.

## Soalan 2:

Rangkaian kata yang diberi untuk membuat ayat memerlukan tafsiran dan fahaman yang tersirat supaya maksud rangkaian kata itu jelas dalam ayat. Kebanyakan calon telah menjawab soalan ini tetapi prestasi calon pada keseluruhannya adalah pada tahap yang sederhana. Jawapan calon yang memperolehi markah yang agak memuaskan mempunyai ciri-ciri seperti, maksud rangkaian kata itu dapat diterangkan dengan tepat dan jelas dalam ayat, ayat yang dibina itu pendek dan bernas tanpa sebarang kesalahan tata bahasa dan ejaan dan dapat mencerminkan kematangan fikiran calon. Rangkaian kata 2(அ) அக்குத்தொக்கு dan 2(ஆ) காணல் நீர் tidak biasa digunakan oleh calon. Maka mereka tidak dapat membuat ayat yang membawa makna yang tersirat.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Harus mempertingkatkan lagi minat membaca supaya pengetahuan am dan isu semasa diperolehi untuk menghasilkan karangan yang bermutu tinggi.
2. Calon harus melatih diri untuk meneliti dan memahami maksud dan kehendak tugas soalannya dengan tepat.
3. Harus menguasai teknik mengarang berbagai bentuk karangan serta peraturan tertentu dalam karangan iaitu permulaan, isi dan penutup, penggunaan format, pemerenggan dan tanda baca pada tempat dan keadaan yang sesuai.
4. Mengetahui cara mengumpul data dan memilih dan menyusun atur idea atau isi, hujah dan bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
5. Harus berlatih tubi supaya dapat menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru harus bersikap kreatif dan mengajar karangan menggunakan teknik atau pendekatan, kaedah dan gaya yang boleh memberi kesan yang positif kepada calon. Teknik seperti 'process writing', sumbang saran, penggunaan peta minda dan sebagainya boleh digunakan untuk menarik minat calon terhadap pengajaran karangan.
2. Guru juga harus memberi perhatian terhadap pengajaran tata bahasa serta mengambil langkah tertentu untuk memperluaskan perbendaharaan kata dan mengurangkan kesalahan ejaan.
3. Guru boleh menggalakkan calon membaca buku bacaan tambahan, majalah dan akhbar harian dalam bahasa Tamil.
4. Guru juga boleh mengadakan aktiviti seperti latihan ejaan dan menulis rencana dalam waktu pengajarannya.
5. Guru juga harus menggalakkan calon melayari laman web bahasa Tamil untuk mengumpul data dan menganalisis data tersebut.